

# Perbarisan Bulanan Komander PU Labuan

 [airforce.mil.my/arkib/arkib/519-perbarisan-bulanan-komander-pu-labuan](http://airforce.mil.my/arkib/arkib/519-perbarisan-bulanan-komander-pu-labuan)





LABUAN, 2 Feb 16 - Pangkalan Udara Labuan telah mengadakan perbarisan bulanan Komander Pangkalan bertempat di perkarangan Pergerakan Udara, PU Labuan pada pagi ini.

Komander Pangkalan, Kol Raja Ahmad Ikram bin Raja Othman TUDM telah menyempurnakan perbarisan yang diketuai oleh Mej Ahmad Rafiuddin bin Abu Bakar TUDM.

Di perbarisan itu juga, Komander Pangkalan juga menyempurnakan pemakaian pangkat kepada 21 anggota daripada pelbagai ketukangan dan penyerahan cenderahati kepada Kpl U Kennedy Silvester kerana tersenarai dalam pencalonan akhir *Airman Of the Year* bagi tahun 2015.

Beliau juga telah membacakan Perutusan tahun 2016 oleh Panglima Tentera Udara mengenai konsep *We Are One* dan menyarankan anggota PU Labuan supaya menerapkan konsep tersebut dengan melaksanakan tanggungjawab masing-masing bagi mendokong aspirasi dan keperluan perkhidmatan.